

BAB SATU

PENGENALAN

1.0 PENDAHULUAN

Hadis Rasulullah s.a.w merupakan sumber hukum Islam yang kedua selepas al-Quran. Ia merupakan penjelasan kepada al-Quran. Kedudukannya yang tinggi dijelaskan Allah SWT dalam firmanNya :

وَمَا أَتَيْكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْهُوا ...

Maksudnya :

Dan apa jua perintah yang di bawa oleh Rasulullah s.a.w. kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangNya kamu melakukannya maka patuhilah larangannya.

Surah al-Hashr (59) : 7.

Justeru kedudukannya sebagai sumber hukum, maka ia mempunyai nilai sastera yang tinggi. Peranan hadis Rasulullah s.a.w dalam menjelaskan al-Quran dapat dilihat dalam beberapa aspek. Antaranya :

1. Mentafsirkan sesuatu yang mujmal.
2. Mengkhususkan sesuatu yang umum.
3. Menasakhkan sesuatu yang ditetapkan al-Quran.
4. Menjelaskan sesuatu yang tidak disebut dalam al-Quran.

Penjelasan hadis terhadap al-Quran bersifat jelas dan terang dari segi ungkapan, iaitu lafaz, struktur ayat dan kandungan.

Antara unsur-unsur sastera yang terdapat pada hadis Rasulullah s.a.w ialah *al-'Isti'a:rat*. Ia merupakan satu bahagian daripada ilmu *al-Baya:n*. Peranannya dalam sesebuah hadis adalah sebagai pembayang kepada maksud dan makna hadis yang berbentuk kiasan dan perumpamaan.

Berasaskan kepada fungsi *al-'Isti'a:rat* tersebut dan kedudukan hadis sebagai sumber hukum yang kedua selepas al-Quran, maka penulis memilih tajuk *al-'Isti'a:rat* : Satu Analisis Terhadap Hadis-hadis Di dalam Kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* sebagai tajuk kajian.

1.1 KEPENTINGAN KAJIAN

1. Mempamerkan peranan ilmu Balaghah dalam penghayatan makna hadis.
2. Mendedahkan unsur-unsur *al-'Isti'a:rat* dan fungsinya dalam menghayati makna hadis khususnya dalam kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*.
3. Mendedahkan rahsia dan keindahan balaghah hadis Rasulullah s.a.w. melalui kajian *al-'Isti'a:rat*.
4. Memberi kefahaman kepada masyarakat Islam tentang teori *al-'Isti'a:rat* dan kepentingannya dalam menghayati makna hadis Nabi s.a.w dalam kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*.
5. Mendedahkan tahap keberkesanan teori *al-'Isti'a:rat* dalam penghayatan makna hadis di kalangan ilmuwan Islam di Semenanjung Malaysia.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Antara tujuan utama pengajian balaghah Arab dan pengkajiannya di peringkat awal adalah untuk memahami dan mendalami al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w. Justeru itu, ilmu Balaghah pada peringkat awal diasas dan dipelopori oleh ilmuwan Islam yang terkenal seperti al-Jurja:niyy, 'Ibn Jinni: dan 'Ibn al-Mu'taz.

Para sahabat Rasulullah s.a.w., tabiin dan para ulama terkemudian memberi perhatian secara serius terhadap *bala:ghat al-hadi:th*. Kedudukan hadis Rasulullah s.a.w yang mempunyai nilai sastera yang tinggi dan unggul telah mendorong para ilmuwan Islam mengkaji dan mendalaminya dari sudut bahasa dan sastera. Pada peringkat awal pengkajian tentang *bala:ghat al-hadi:th* dibuat secara umum mengiringi syarahan dan

huraiannya. Walau bagaimanapun, mutakhir ini pengkajian tentang *bala:ghat al-hadi:th* telah dibuat secara khusus sehingga lahirlah kitab-kitab dalam bidang tersebut seperti *al-'Amtha:l al-Nabawiyyat* dan sebagainya. Perkembangan ini selari dengan perkembangan ilmu hadis dan bahasa Arab.

Berdasarkan kepentingan ilmu Balaghah dalam pemahaman nas dan kebanyakan kajian sebelum ini bersifat umum dan tidak menumpukan kepada topik-topik tertentu, maka kajian ini akan cuba menyingkap secara terperinci unsur-unsur *al-'Isti'a:rat* dalam kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*. Selain dari itu, kajian ini juga akan mengenangkan unsur-unsur balaghah yang terdapat dalam *al-'Isti'a:rat*. Hal ini sekaligus akan mencungkil rahsia *al-baya:n al-nabawiyy*.

Pemilihan hadis-hadis dari kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* sebagai subjek kajian dibuat berasaskan kepada penekanan Imam al-Nawawi: kepada kesahihan hadis-hadis tersebut dan bilangannya yang sesuai untuk penyelidikan dalam tempoh tiga tahun.

Kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* mempunyai 1,896 hadis yang terpilih, disusun oleh Syeikh Imam Allamah Muhyi: al-Di:n 'Abu: Zakariyya Yahya bin Sharaf bin Muri: bin Hasan bin Husayn bin Hazam bin Muhammad bin Jum'at al-Nawawi: al-Sha:f'iyy. Ia menjadi rujukan utama para ilmuwan Islam sepanjang zaman dan kini menjadi teks majlis ilmu di surau-surau atau masjid-masjid di Malaysia. Metodologi beliau yang menekankan kesahihan hadis merupakan faktor terpenting yang membolehkan kitab ini diterima pakai oleh umat Islam di seluruh dunia.

1.3 SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Dalam melaksanakan kajian ini ditetapkan batasan-batasan berikut :

1. Kajian ini akan menumpukan kepada *al-'Isti'a:rat*, pembahagiannya dan unsur-unsur penting *al-'Isti'a:rat* secara terperinci melalui kajian teori dan analisis hadis-hadis yang terdapat dalam kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*. Selain itu, ia akan menyentuh tentang *bala:ghat al-hadi:th* malalui kajian teori dan analisis tersebut.
2. Kajian ini akan memberi tumpuan kepada semua hadis-hadis yang terdapat dalam kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*.
3. Proses analisis *al-'Isti'a:rat* daripada hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* dibuat berdasarkan kitab-kitab syarah hadis dan balaghah.
4. Hanya 20 hadis daripada 48 hadis yang berkaitan dengan dapatan kajian ini dipilih untuk tujuan perbincangan dan huraian. Ia sebagai model atau contoh kajian. Sementara itu, semua hadis yang mempunyai *al-'Isti'a:rat* dianalisis secara jadual. Skop dan batasan ini digariskan berdasarkan penghuraian lebih terperinci dan mendalam hanya boleh dilakukan kepada sampel dalam bilangan yang terhad. Jika tidak ia akan mengambil ruang yang lebih besar.
5. Selain dari aspek di atas, kajian ini juga akan meninjau keberkesanan teori *al-'Isti'a:rat* dalam penghayatan makna hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* di kalangan guru-guru kitab tersebut di Semenanjung Malaysia berdasarkan zon yang ditetapkan oleh pihak JAKIM dengan pemilihan satu sampel untuk setiap zon. Sampel bagi setiap zon adalah sebagaimana berikut :

Bil.	Zon	Sampel
1	Utara	Kedah
2	Timur	Kelantan
3	Tengah	Selangor
4	Selatan	Melaka

6. Dari segi subjek kajian, penulis memilih para guru kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* dan para pelajar kitab tersebut dengan nisbah 5 orang pelajar untuk setiap orang guru dari masjid-masjid Negeri, masjid-masjid Daerah dan masjid-masjid yang setaraf dengannya dari negeri-negeri berkenaan sebagai responden. Antara masjid-masjid tersebut yang terlibat dalam pengajaran kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* ialah :

Bil.	Negeri	Nama Masjid	Bil. Responden
1	Kedah	Masjid Kota Setar	1
2	Kelantan	Masjid Kampung Sirih (MB) Masjid Daerah P.Mas Masjid Daerah K.Kerai	1 1 1
3	Selangor	Masjid Jamek Raja Tun Uda Seksyen 16 Shah Alam(Daerah Petaling) Masjid Diraja Klang (Daerah Klang)	2 1
4	Melaka	Masjid Daerah Alor Gajah	1

1.4 METODOLOGI KAJIAN

Metode merupakan perkara yang amat penting dalam menentukan kejayaan sesuatu kajian. Untuk melaksanakan kajian ini penulis akan menggunakan beberapa metod iaitu:

a) Metode Penentuan Subjek

Dalam menjalankan kajian ini kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* akan dirujuk sebagai sampel kajian *al-'Isti'a:rat*. Setiap hadis dalam kitab ini akan dianalisis secara terperinci dari sudut *al-'Isti'a:rat* berdasarkan objektif dan skop kajian yang telah ditetapkan. Selain itu, beberapa orang guru yang terlibat dalam pengajaran kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* di Semenanjung Malaysia akan dipilih sebagai sampel kajian keberkesanan teori *al-'Isti'a:rat* dalam penghayatan makna hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*.

Bagaimanapun, pemilihan tersebut dibuat berdasarkan skop dan batasan kajian yang telah ditetapkan.

b) Metode Pengumpulan Data

Data-data kajian ini dikumpulkan berdasarkan kepada metode-metode berikut :

i) Metode Penyelidikan Perpustakaan

Metode ini digunakan bagi mendapat maklumat dan data yang diperlukan dalam bentuk fakta. Dalam melaksanakan kajian ini bahan-bahan daripada buku, tesis, jurnal, majalah dan internet yang berkaitan dengan balaghah dan hadis akan dirujuk sebagai bahan utama. Antara perpustakaan yang akan menjadi rujukan penulis ialah :

- 1- Perpustakaan Universiti Malaya
- 2- Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia
- 3- Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- 4- Perpustakaan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
- 5- Perpustakaan Pusat Islam Malaysia, Kuala Lumpur.
- 6- Perpustakaan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Putrajaya.

ii) Metode Dokumentasi

Penulis akan menggunakan metod ini bagi membincangkan *bala:ghat al-hadi:th* secara umum dan berkaitan dengan *al-'Isti'a:rat* secara khusus. Metod ini juga digunakan bagi membincangkan kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* dan menganalisis unsur-unsur *al-'Isti'a:rat* yang terkandung dalam hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*. Selain dari itu, ia juga diaplikasikan untuk meneliti karya-karya ulama hadis, demikian juga karya-karya ulama balaghah dalam menjelaskan *bala:ghat al-hadi:th*. Di samping itu penulis akan mengkaji secara mendalam kitab-kitab berkaitan bagi melihat perkembangan penulisan dan kajian dalam bidang tersebut.

iii) Metode Historikal

Metod Historikal digunakan bagi menggariskan kronologi perkembangan penulisan *bala:ghat al-hadi:th*, latar balakang kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* dan pengarangnya, Imam al-Nawawi:.

iv) Metode Temubual

Metode ini digunakan dalam bab lima bagi membantu responden dari kalangan guru-guru kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* melengkapkan borang soal selidik. Selain itu, ia juga digunakan bagi mendapat maklumat tambahan berkaitan persoalan kajian yang dikemukakan di dalam borang soal selidik.

v) Metode Deskriptif

Kajian berkaitan keberkesanan teori *al-'Isti'ā:rat* dalam penghayatan makna hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* di kalangan guru-guru kitab tersebut di Semenanjung Malaysia dalam bab lima kajian ini menggunakan kaedah tinjauan berbentuk deskriptif, iaitu tinjauan bermatlamat untuk mengumpulkan maklumat mengenai pembolehubah-pembolehubah yang berkait dengan sesuatu fenomina tanpa menyoal mengapa pembolehubah tersebut wujud.¹ Ia dianggap sebagai kajian deskriptif kerana ia bermatlamat tinjauan atau penerokaan bagi menerangkan fenomena yang sedang berlaku.²

c) Metode Penganalisisan Data

i) Metode Komparatif

Metode ini digunakan bagi membandingkan metodologi kitab-kitab syarah hadis secara umum dan kitab-kitab *bala:ghat al-hadi:th* secara khusus bagi melihat sejauh mana

¹ Mohd.Majid Konting, (2005), Kaedah Penyelidikan Pendidikan, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 101-102.

² *Ibid*, h.96 dan 98.

penekanan para ulama tentang *bala:ghat al-hadi:th* dan perkembangan penulisan dalam bidang tersebut. Metode ini juga digunakan dalam mengkaji keberkesanan teori *al-'Isti'a:rat* dalam penghayatan makna hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* di kalangan guru-guru kitab tersebut di Semenanjung Malaysia.

ii) Metode Induktif

Dalam membuat analisis, kajian ini bergantung kepada metod induktif di mana hadis-hadis dalam kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* akan dianalisis secara terperinci bermula dari perkara pokok, iaitu penentuan *al-'Isti'a:rat* dalam hadis-hadis tersebut, seterusnya diikuti dengan huraian tentang pecahan *al-'Isti'a:rat* dan unsur-unsur penting berkaitan dengannya secara mendalam.

iii) Metode Deduktif

Penulis menggunakan metod ini dalam bab empat dan bab lima ketika menganalisis *al-'Isti'a:rat* dalam hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* dan mengkaji keberkesanan teori *al-'Isti'a:rat* dalam penghayatan makna hadis-hadis kitab tersebut di kalangan guru-guru berkaitan di Semenanjung Malaysia. Ia juga digunakan ketika membuat kesimpulan dalam bab enam.

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan pernyataan masalah, adalah menjadi matlamat utama kajian ini untuk meneliti dan menganalisis *al-'Isti'a:rat* dalam kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* berdasarkan pembahagian *al-'Isti'a:rat al-Mufrad* dan *al-'Isti'a:rat al-Murakkab* (*al-'Isti'a:rat al-Tamthi:liyyat*). Selain dari itu, kajian ini juga bertujuan untuk meninjau keberkesanan teori *al-'Isti'a:rat* dalam penghayatan makna hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* di

kalangan guru-guru kitab tersebut di Semenanjung Malaysia. Secara lebih khusus, kajian ini berasaskan kepada objektif-objektif berikut :

1. Mendalami riwayat hidup, ketokohan dan kewibawaan penulis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* dalam bidang keilmuan sebagai maklumat asas kepada kajian ini.
2. Mengkaji kewibawaan kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* sebagai kitab himpunan hadis berkaitan akhlak dan tasawuf yang menjadi teks kepada kajian ini.
3. Mengkaji kedudukan bahasa dan balaghah Hadis Rasulullah s.a.w, ciri-ciri dan keistimewaannya.
4. Mendalami maksud *al-'Isti'a:rat*, unsur-unsur penting berkaitan dengannya, fungsi dan kesannya dalam menyampaikan maksud dan pembahagiannya.
5. Mengkaji unsur-unsur *al-'Isti'a:rat* dan keistimewaan gaya bahasa Rasulullah s.a.w. yang tersirat di sebalik *al-'Isti'a:rat* tersebut dalam hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*.
6. Mengkaji keberkesanan teori *al-'Isti'a:rat* dalam penghayatan makna hadis di kalangan ilmuwan Islam di Semenanjung Malaysia.

1.6 PERSOALAN KAJIAN

Untuk mencapai objektif, kajian ini akan menjawab beberapa persoalan berhubung *al-'Isti'a:rat* dalam hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* dan keberkesanan teori *al-'Isti'a:rat* dalam penghayatan makna hadis di kalangan ilmuwan Islam di Semenanjung Malaysia. Secara lebih terperinci, persoalan-persoalan yang akan cuba dijawab dalam kajian ini ialah :

1. Bagaimanakah riwayat hidup, ketokohan dan kewibawaan Imam al-Nawawi dalam bidang keilmuan?
2. Sejauh manakah kewibawaan kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* sebagai kitab himpunan hadis berkaitan akhlak dan tasawuf yang menjadi teks kepada kajian ini?

3. Bagaimanakah kedudukan bahasa dan balaghah Hadis Rasulullah s.a.w, ciri-ciri dan keistimewaananya?
4. Apakah maksud *al-'Isti'a:rat*, unsur-unsur penting berkaitan dengannya, fungsi dan kesannya dalam menyampaikan maksud dan pembahagiannya?
5. Apakah unsur-unsur *al-'Isti'a:rat* dan keistimewaan gaya bahasa Rasulullah s.a.w. yang tersirat di sebalik *al-'Isti'a:rat* tersebut dalam hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*?
6. Sejauhmanakah keberkesanan teori *al-'Isti'a:rat* dalam penghayatan makna hadis di kalangan ilmuan Islam di Semenanjung Malaysia ?

1.7 KAJIAN TERDAHULU

Hadis Rasulullah s.a.w merupakan sumber hukum Islam yang ke dua selepas al-Quran. Ia merupakan *jawa:mi^c al-kalim* sebagaimana al-Quran merupakan *al-'i^cja:z*. Baginda s.a.w bersabda :

بَعِثْتُ بِحَوَامِعَ الْكَلِمِ

Maksudnya:

Aku diutuskan dengan *jawa:mi^c al-kalim* (kata-kata yang ringkas namun luas maksudnya).³

Para ulama semenjak zaman dahulu lagi mengambil berat dan memberi perhatian terhadap *bala:ghat al-hadi:th*. Bagaimanapun, kajian secara khusus mengenai *bala:ghat al-hadi:th* tidak muncul kecuali pada kitab *al-Maja:za:t al-Nabawiyyat* karangan al-Shari:f al-Radiyy (359 – 406H). Beliau telah mengumpulkan sebanyak 360 hadis Nabi s.a.w dalam kitabnya dengan menjelaskan *al-'Isti'a:rat* yang indah, keindahan sastera

³ Muhammad bin 'Isma:i:l 'Abu: ^cAbd 'Alla:h al-Bukha:ri:(t.t), *Sahi:h al-Bukha:ri:*. Kitab Jihad, Bab Nabi: s.a.w. bersabda : ”ونصرت بالرعب“، no. hadis 2909. Lihat juga Muslim bin Hajja:j 'Abu: al-Husayn al-Qushayri: al-Naysa:bu:ri: (1992), *Sahi:h al-Muslim*, Kitab Masjid dan Tempat Sembahyang, no. hadis 1120. Antara sanad dan matan yang lengkap bagi hadis ini sebagaimana riwayat Ima:m Muslim ialah : حدثني أبو الطاهير و حرمـة قالـا: أخـبرـنـا أـبـنـ وـهـ : حدـثـنـي يـوسـعـنـ أـبـنـ شـهـابـ عـنـ سـعـيدـ بـنـ المـسـيـبـ عـنـ أـبـي هـرـيـةـ ، قـالـ: قـالـ رـسـولـ اللـهـ : بـعـثـتـ بـحـوـامـعـ الـكـلـمـ وـتـصـرـتـ بـالـرـعـبـ وـبـيـنـ أـنـ ثـائـمـ اوـتـيـتـ بـعـافـيـتـ خـرـائـنـ الـأـرـضـ فـوـضـعـتـ بـيـنـ يـدـيـ . قـالـ أـبـي هـرـيـةـ: فـذـهـبـ رـسـولـ اللـهـ ، وـأـنـشـمـ تـشـلـوـنـهـاـ .

yang unik dan rahsia-rahsia bahasa yang halus. Selain dari kitab tersebut, perbincangan tentang *bala:ghat al-hadi:th* juga dapat dilihat pada kitab *al-Fa:'iq Fi: Ghari:b al-Hadi:th* karangan Sheikh al-Zamakhshariyy dan kitab-kitab syarah hadis seperti *‘Umdat al-Qari:* karangan Imam Badruddin al-‘Ayni:⁴

Kemunculan kitab-kitab yang membincangkan tentang *bala:ghat al-hadi:th* dan menyingkapkan rahsia-rahsia keindahannya amat terserlah pada abad ke 20, khususnya pada bahagian kedua abad ini. Antara kitab-kitab *bala:ghat al-hadi:th* yang muncul pada masa tersebut ialah :

1. *Al-Hadi:th al-Nabawiyy al-Shari:f Min al-Wijhat al-Bala:ghiyyat* karangan Dr. Kamal ‘Izzuddin. Kitab ini diterbitkan oleh Dar ‘Iqra’, Beirut – al-Ramlat al-Baida:’ pada tahun 1983.
2. *Al-Taswi:r al-Fanniyy Fi: al-Hadi:th al-Nabawiyy* karangan Muhammad bin Lutfi: al-Sabbagh. Kitab ini diterbitkan oleh al-Maktab al-‘Isla:mi:, Beirut pada tahun 1983.
3. *Al-Baya:n al-Nabawiyy* karangan Muhammad Rajab al-Bayu:mi:. Kitab ini diterbitkan oleh Da:r al-Wafa:’, al-Mansurah Mesir pada tahun 1987.
4. *Al-Baya:n al-Nabawiyy* karangan Dr. ‘Adna:n Zarzur. Kitab ini diterbitkan oleh Maktabat Da:r al-Fath, Damsyik pada tahun 1393H.
5. *Min Bala:ghat al-Sunnat* karangan Muhammad Bi:lu: ’Ahmad ’Abu: Bakr. Kitab ini diterbitkan oleh Matba‘at ’Atlas, Sha:ri‘ al-Su:q al-Tawfi:qiyyat Kaherah pada tahun 1979.

Berdasarkan penyelidikan, penulis dapati kajian-kajian di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah di Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Islam

⁴ Kamal ‘Izzuddin, Dr. (1983), *Al-Hadi:th al-Nabawiyy al-Shari:f Min al-Wijhat al-Bala:ghiyyat*, Beirut – al-Ramlat al-Baida:’ : Dar ‘Iqra’, h. 34.

Antarabangsa Malaysia sebelum ini berkaitan *bala:ghat al-Qur'an* dan tidak menyentuh tentang *bala:ghat al-hadi:th* kecuali satu kajian, iaitu Himpunan *al-'Amtha:l Al-Nabawiyyat* : Kajian Terhadap *'Uslu:b* Nabi Ke Arah Peningkatan *al-Tarbiyyat Al-Ru:hiyyat*. Kajian ini merupakan tesis di peringkat Sarjana Fakulti Pengajian Islam UKM tahun 2004, ditulis oleh Baharin bin Mat Zin.

Kajian ini membincangkan himpunan hadis yang mengandungi *al-'Amtha:l al-Nabawiyyat*. Perbahasan kajian ini menyentuh tentang kedudukan *al-'Amtha:l* yang terkenal di kalangan bangsa Arab sehingga menjadi bahasa basahan di kalangan mereka dan digunakan oleh Rasulullah s.a.w. dalam menyampaikan dakwah. Ia juga mengenengahkan nilai-nilai *tarbawi:* dalam *al-'Amtha:l al-Nabawiyyat* yang amat berkesan dalam meningkatkan *al-tarbiyyat al-ru:hiyyat* di sebalik keindahan dan keunikannya.

Bagi menguatkan kajian ini dan memberi gambaran yang lebih jelas tentang kajian sebelumnya, penulis cuba menyingkapkan kajian-kajian terdahulu berkaitan *bala:ghat al-Qur'an*. Antara kajian-kajian tersebut ialah :

-
1. Penggunaan Gaya Bahasa Perumpamaan Dalam al-Quran : Satu Analisis.
Kajian ini merupakan tesis di peringkat Sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik UM tahun 1997, ditulis oleh Azhar bin Muhammad.

Kajian ini bertujuan memperkenalkan gaya bahasa perumpamaan dan penggunaannya dalam al-Quran. Satu kajian yang memperlihatkan tentang keindahan dan keunikan struktur pengolahan gaya bahasa tersebut dalam penyampaian maksud. Penulis kajian ini cuba mengenengahkan pengenalan perumpamaan, pembahagiannya, tujuan perumpamaan al-Quran, keistimewaan-keistimewaannya dan kajian analisis kepada

beberapa contoh ayat-ayat perumpamaan al-Quran. Sebanyak 10 tema perumpamaan dikemukakan daripada pelbagai ayat.

2. '*Uslu:b al-Tawki:d* Dalam al-Quran. Kajian ini merupakan tesis di peringkat Sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik UM tahun 1998, ditulis oleh Mohamed Helmi bin Sofi.

Kajian ini mendedahkan tentang tradisi masyarakat Arab sebelum kedatangan al-Quran, definisi *Tawki:d* menurut pandangan ahli nahu dan balaghah, tujuan penggunaan *Tawki:d* dalam bahasa Arab, istilah pengulangan dan *Tawki:d,'Uslu:b* pengulangan dalam surah *al-Baqarat*, partikel imbuhan yang bertujuan untuk pengukuhan.

Kajian ini hanya membahaskan '*Uslu:b Tawki:d* dalam surah *al-Baqarat* sahaja. Bagaimanapun, ayat-ayat daripada surah lain juga dijelaskan sebagai contoh dan pengukuhan. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal al-Quran, mengetahui kesempurnaan al-Quran, melihat keistimewaan '*Uslu:b* al-Quran dan juga menjelaskan bahawa al-Quran merupakan model bahasa Arab yang paling baik. Segala objektif tersebut dapat dilihat melalui sistem pengukuhan yang dipersembahkan oleh al-Quran khususnya dalam surah *al-Baqarat*.

3. Ketidakterusan Perintah dan Larangan Dalam al-Quran: Kajian Terhadap Ayat-Ayat Hukum Surah *al-Baqarat*. Kajian ini merupakan tesis di peringkat Sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik UM tahun 1999, ditulis oleh Abdul Rahim bin Ibrahim.

Kajian ini mendedahkan ketidakterusan perintah dan larangan al-Quran menerusi surah *al-Baqarat*. Data- data utama yang diberikan tumpuan untuk tujuan analisis ialah ayat-

ayat hukum yang menjadi sumber perundangan Islam. Antara objektif kajian ini adalah untuk memberi gambaran mengenai kewujudan perintah dan larangan secara terus dan tidak terus dalam Surah *al-Baqarat*.

Hasil yang diperolehi daripada kajian telah menunjukkan perbezaan yang jelas antara perintah dan larangan secara terus dan tidak terus. Perintah dan larangan secara terus dapat difahami berdasarkan kewujudan tuntutan atau tujuan tuntutan tersebut dinyatakan dengan gaya bahasa yang menggunakan kata kerja perintah atau larangan. Ketidakterusan pula merujuk kepada perkhabaran mengenai sesuatu ketentuan, gambaran pujian atau kutukan, gambaran ganjaran baik atau buruk dan gambaran mengenai amalan yang disukai atau dibenci dengan gaya bahasa yang menggunakan kata kerja atau kata nama.

4. Fungsi *al-Muqa:balat* Dalam al-Quran: Satu Analisis. Kajian ini merupakan tesis di peringkat Sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik UM tahun 1999, ditulis oleh Mohamed bin Awang.

Kajian ini mendedahkan ketinggian bahasa al-Quran dan hubungannya dengan ilmu *al-Badi:*^c yang membincangkan tentang kesenian lafaz dan juga kehalusan makna serta keistimewaan bahasa Arab yang merupakan bahasa wahyu. Dalam kajian ini, penulis cuba mengeluarkan fungsi dan peranan *al-Muqa:balat* yang terdapat dalam al-Quran. Ia memperlihatkan kesan komunikasi yang berpusatkan kepada manusia serta keperluan hidupnya, sama ada di dunia ataupun di akhirat.

5. Makna Tersirat Di Sebalik Ayat Tanya : Satu Kajian Deskriptif Dalam Surah

al-Naml. Kajian ini merupakan tesis di peringkat Sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik UM tahun 2000, ditulis oleh Abdullah bin Hj Haron.

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan mengurai maksud yang terkandung dalam penggunaan ayat tanya. Dalam kajian ini, penulis membayangkan bahawa terdapat pertanyaan yang tidak berkehendakkan kepada jawapan daripada pendengar. Penutur secara bijaksana menyampaikan mesej-mesej tertentu secara tidak langsung melalui ayat-ayat tanya. Pendengar mampu memahami maksud ayat tersebut melalui satu penginterpretasian makna dalam dirinya. Selain dari itu penulis cuba mengenengahkan persoalan keberkesanan bahasa dan penghayatan terhadap keindahan seni dalam ayat-ayat tanya yang bergantung kepada kemampuan penutur dalam menyampaikan maksud dan kemampuan pendengar dalam memahami kehendak penutur. Kajian ini secara khususnya tertumpu kepada makna-makna tersirat di sebalik ayat tanya yang terkandung dalam Surah *al-Naml*. Ayat-ayat tanya dihursti dan dikupas dari sudut makna dengan mengambil kira kaitan ayat dengan konteks dan nilai-nilai seni yang mewarnai pembentukkan ayat. Selain dari itu maksud penggunaan ayat tanya juga dinyatakan secara ilmiah dan spesifik.

6. *Al-Fasl* Dan *al-Wasl* : Satu Analisis Dalam Surah *al-Mulk*.

Kajian ini merupakan tesis di peringkat Sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik UM tahun 2001, ditulis oleh Zahazan bin Mohamed.

Kajian ini membincangkan tentang *al-Fasl* dan *al-Wasl* yang merupakan satu tajuk daripada ilmu *al-Maqāni*. Menerusi kajian ini penulis memperjelaskan kelahiran ilmu *al-Maqāni*, perkembangan *al-Fasl* dan *al-Wasl* serta fungsinya dalam ayat, definisi *al-*

Fasl dan *al-Wasl*, tempat-tempatnya dalam bahasa Arab, kajian-kajian para ilmuwan terhadap penggunaannya dahulu dan sekarang, perkara-perkara asas yang membantu pemahaman topik kajian ini dan sebagainya. Di samping itu penulis turut menerangkan ayat dalam bahasa Arab yang terbahagi kepada dua, iaitu *al-Fasl* dan *al-Wasl* dan ayat-ayat yang dikategorikan sebagai ayat *ha:l*. Bagi mengukuhkan kajian ini penulis membuat analisis terhadap *al-Fasl* dan *al-Wasl* dalam Surah *al-Mulk*.

7. Anatomi Manusia Dalam *Kina:yat* al-Quran. Kajian ini merupakan tesis di peringkat Sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik UM tahun 2001, ditulis oleh Rialuddin bin Yahya.

Kajian ini secara umumnya mendedahkan *bala:ghat al-Kina:yat* dalam al-Quran dan secara khususnya membincangkan tentang anatomi manusia dalam *Kina:yat* al-Quran. Perbahasan kajian ini menyentuh tentang persoalan *Kina:yat* menurut pandangan ahli balaghah Arab yang merangkumi tiga tajuk, iaitu definisi *Kina:yat* dari perspektif ahli balaghah, tujuan *Kina:yat* dan bahgian-bahagiannya. Selain dari itu ia menghuraikan persoalan *Kina:yat* menurut perspektif al-Quran yang merangkumi tiga tajuk penting, iaitu *Kina:yat* al-Quran antara hakikat dan majaz, objektif pengungkapan *Kina:yat* dalam al-Quran dan contoh-contoh *Kina:yat* dalam al-Quran. Sebagai intipati kepada kajian ini penulis mengeluarkan anatomi manusia yang terdapat dalam *Kina:yat* al-Quran. Terdapat tiga belas anatomi yang dibincangkan sebagai lambang kepada *Kina:yat* al-Quran. Semua bentuk *Kina:yat* al-Quran dibahaskan secara topikal mengikut anatomi dan dilengkapkan dengan gambarajah.

8. Anatomi Manusia Dalam '*Uslu:b Maja:z Mursal* : Satu Kajian dalam al-Quran.

Kajian ini merupakan tesis di peringkat Sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik UM tahun 2006, ditulis oleh Syazali Effendi bin A. Wahab.

Pada dasarnya kajian ini cuba mencungkil ciri-ciri keunikan dan keistimewaan serta kelebihan al-Quran dari perspektif ilmu *al-Baya:n*. Pengkhususan diberikan terhadap anatomi-anatomi manusia yang telah disebut oleh Allah SWT dengan menggunakan '*Uslu:b al-Maja:z al-Mursal* sebagai lambang bahasanya yang tersirat. Perbincangan kajian ini tertumpu kepada sejarah perkembangan lafaz *al-Maja:z*, definisinya dari sudut bahasa dan istilah, pandangan ahli balaghah Arab mengenai *al-Maja:z*, golongan yang mengengkari kewujudannya dalam al-Quran, pembahagiannya dan *'ala:qa:t al-Maja:z al-Mursal* serta keistimewaan-keistimewaannya.

Kajian ini cuba memperlihatkan penggunaan dan peminjaman lafaz-lafaz tertentu bagi makna yang tersirat, seterusnya mengenalpasti anatomi manusia yang telah digambarkan oleh Allah SWT dengan menggunakan '*uslu:b al-Maja:z al-Mursal*'. Kajian ini juga mendedahkan pertalian antara *'ala:qa:t* yang terlibat dengan anatomi tersebut bagi menyingkap sifat semulajadi kelakuan manusia yang telah digambarkan oleh Allah SWT dalam bentuk balaghah.

9. Pengguguran Kata dan Ayat : Satu Analisis Kemukjizatan al-Quran.

Kajian ini merupakan tesis di peringkat Sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik UM tahun 2002, ditulis oleh Mohd Fahmi bin Abdul Khir.

Pada dasarnya kajian ini menjelaskan kemukjizatan al-Quran dari perspektif balaghah Arab menerusi keindahan dan keunikannya. Perbincangan kajian ini tertumpu kepada

sebab dan hikmah di sebalik pengguguran kata dan ayat dalam al-Quran seterusnya menjelaskan kemukjizatan al-Quran berkaitan pengguguran tersebut. Sebab dan hikmah tersebut dijelaskan berdasarkan pandangan dan cetusan pendapat daripada tulisan-tulisan para cendikiawan terdahulu dan terkini. Secara khusus, kajian ini mendedahkan definisi *'Ija:z al-Qur'a:n*, sejarah perkembangan ilmu ini, jenis-jenisnya, pengguguran kata dan ayat dari perspektif balaghah Arab. Selain dari itu analisis terhadap pengguguran kata dan ayat dalam al-Quran juga dibuat bagi mendedahkan kemukjizatan al-Quran.

10. *Al-'Isti'a:rat* Dalam Surah *al-Baqarat* : Satu Analisis Balaghah.

Kajian ini merupakan tesis di peringkat Sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik UM tahun 2005, ditulis oleh Roslan bin Abdul Rahman.

Pada asasnya, kajian ini bertujuan untuk menyingkap dan menyelami maksud-maksud yang tersirat dalam Kalamullah, di samping maksud-maksud yang tesurat. Dengan ini, kesenian, kehebatan dan keindahan gaya bahasa *al-'Isti'a:rat* khususnya dalam Surah *al-Baqarat* itu akan terserlah. Penulis memulakan kajian ini dengan penerokaan makna dan perkara-perkara penting yang berkaitan dengan *al-'Isti'a:rat* secara terperinci. Pandangan-pandangan ulama balaghah yang terbilang menjadi sandaran bagi kajian ini. Jenis-jenis *al-'Isti'a:rat* diperjelaskan satu persatu untuk memperlihatkan keluasan skop *al-'Isti'a:rat* bagi mencari objektif sebenar kajian. Istilah *'Isti'a:rat* dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya diperjelaskan dengan terperinci. Ayat-ayat al-Quran dari Surah *al-Baqarat* yang berkaitan dengannya dianalisis bagi mencapai objektif kajian yang kemudiannya menyerlahkan kehebatan dan keagungan kalamullah. Selain dari itu penulis juga menggarapkan makna sebenar ungkapan-ungkapan *'Isti'a:rat* yang terdapat dalam surah tersebut.

11. Perumpamaan Dalam al-Quran : Satu Kajian Khusus Mengenai Golongan Munafiq. Kajian ini merupakan tesis di peringkat Sarjana Fakulti Pengajian Islam UKM tahun 1998, ditulis oleh Muhd Najib bin Abdul Kadir.

Kajian ini mengenangkan kepentingan *al-'Amtha:l* yang tersebar luas di kalangan orang-orang Arab semenjak zaman dahulu lagi yang mana tujuan penggunaannya adalah untuk membandingkan satu perkara dengan yang lain atau keadaan dengan keadaan lain yang telah diterima pakai di kalangan mereka sebelumnya. Di samping itu, ia juga menjelaskan bahawa penggunaan *al-'Amtha:l* dalam al-Quran adalah untuk memberi kefahaman, penjelasan serta penerangan yang dapat diterima oleh akal fikiran manusia dan ianya bersesuaian pada setiap masa dan tempat. Selain dari itu, kajian ini mendedahkan bahawa *al-'Amtha:l* juga digunakan dalam bentuk uslub menyampaikan dakwah. Melalui cara bandingan dan perumpamaan ini adalah lebih mudah untuk memberi keterangan yang lebih jelas terhadap sesuatu cerita supaya timbul daya tanggapan yang benar-benar meninggalkan kesan serta dapat mempengaruhi jiwa manusia. Hasil dari kajian ini penulis telah mengumpul *al-'Amtha:l* mengenai golongan munafiq dalam al-Quran yang mendedahkan tentang keadaan mereka, sikap dan kelakuan serta tindak tanduk dan penilaian mereka terhadap Islam dan umatnya.

12. *'Awjuh Badi: 'iyya:t Fi: 'Asa:li:b al-Qur'a:n al-Kari:m*. Kajian ini merupakan tesis di peringkat Sarjana Fakulti Pengajian Islam UKM tahun 1993, ditulis oleh Ismail Akhtiar.

Kajian ini membahaskan bentuk-bentuk *badi:*^c yang terdapat dalam gaya bahasa al-Quran al-Karim dan mendedahkan bentuk-bentuk *badi:*^c serta hubungannya dengan

'I^cja:z al-Qur'a:n. Antara jenis-jenis *badi:*^c yang dibincangkan dalam kajian ini ialah *al-Tiba:q*, *al-Muqa:balat*, *al-Muba:laghat*, *al-Tawriyat*, *al-'Iltifa:t* daripada jenis-jenis *badi:*^c *ma^cnawiyy*. Selain dari itu ia juga membincangkan tentang *al-Jina:s*, *Raddu al-*^c*Ajz* ^c*Ala:* *al-Sadr*, *al-Saja^c* dan *al-Muwa:zana^t* daripada jenis-jenis *badi:*^c*lafziyy*. Perbincangan dan perbahasan tersebut tertumpu kepada tujuh surah, iaitu: Surah *al-'An^ca:m*, Surah *al-Ru:m* dan Surah *al-Zumar*. Dalam kajian ini penulis cuba memberi definisi jenis-jenis *badi:*^c tersebut, menerangkan kaedah dan pembahagiannya, kemudian menjelaskan ayat-ayat al-Quran yang mengandungi unsur-unsur *badi:*^c tersebut secara balaghah.

13. Al-Quran Dan Kesannya Dalam Kajian Balaghah. Kajian ini merupakan tesis di peringkat Sarjana Fakulti Pengajian Islam UKM tahun 1985, ditulis oleh Embong bin Mohamed.

Kajian ini cuba menyingkap kesan al-Quran al-Karim terhadap pengajian balaghah semenjak ia diturunkan hingga ke zaman kemantapan ilmu tersebut. Kajian ini secara umum memperkatakan tentang definisi *al-Bala:ghat* dan *al-Baya:n*, pendapat-pendapat ulama mengenainya, sejauh mana kepentingan pengajian balaghah dan motif pengajiannya di kalangan masyarakat Arab. Selain dari itu kajian ini cuba mengupas kedudukan masyarakat Arab dari segi balaghah, pendapat-pendapat ulama tentang kebolehan mereka dalam bidang balaghah dan bagaimana kedudukan balaghah selepas al-Quran diturunkan. Di samping itu, ia menjelaskan kedudukan kajian *'I^cja:z al-Qur'a:n* yang menjadi asas kepada kajian balaghah, pendapat-pendapat ulama mengenai *'I^cja:z al-Qur'a:n*, keupayaan balaghah membongkar intisari al-Quran sepenuhnya, kesan al-Quran dalam penyusunan ilmu Balaghah. Sebagai penutup kepada perbahasan dan perbincangan, kajian ini menyentuh tentang al-Quran dan kegemilangan ilmu

Balaghah, usaha-usaha memantapkan kaedahnya hingga ke zaman kebekuan dan usaha mutakhir dalam pengajian tersebut.

14. *Nazariyyat al-Nazm Fi: 'I 'ja:z al-Qur'a:n 'Inda 'Abdul Qa:hir al-Jurjani: Wa Nazariyyat al-Taswi:r al-Fanniyy Fi: al-Qur'a:n 'Inda Sayyid Qutb : Dira:sat Wa Muwa:zanat*. Kajian ini merupakan tesis di peringkat Doktor Falsafah Fakulti Pengajian Islam UKM tahun 2000, ditulis oleh Abu Bakr Rafique Ahmad.

Kajian ini bertujuan menganalisis dan membandingkan teori dua tokoh terkenal dalam bidang kajian al-Quran. Tokoh yang pertama hidup pada awal kurun ke 5 Hijriah (kurun ke11 Masihi) dan tokoh yang kedua hidup pada kurun ke 14 Hijriah (kurun ke 20 Masihi). Kedua-dua tokoh tersebut mengenangkan teori masing-masing untuk mendedahkan rahsia kemukjizatan al-Quran. Kajian terhadap al-Quran dari aspek kebahasaan, estetika dan retorika merupakan kajian yang paling awal menarik perhatian umat Islam, bermula pada kurun ke 2 Hijriah. Kajian dari aspek tersebut menjadi asas untuk mengenal pasti isi dan kandungan al-Quran, mengkaji hukum dan rahsia serta mendedahkan kemukjizatan gaya bahasa al-Quran. Pengkajian aspek kemukjizatan al-Quran paling penting dan menyebabkan para ulama dan cendikiawan berbeza pendapat tentang asal kemukjizatan al-Quran. Antara mereka ada yang berpendapat kemukjizatan al-Quran terdapat pada lafaz dan kosa katanya. Selain itu, terdapat ulama yang berpandangan bahawa ia terdapat pada isi dan kandungan al-Quran, sementara yang lain pula mengatakan ia terdapat pada gaya bahasa dan cara pengungkapannya. Bagaimanapun, umumnya ulama berpendapat bahawa kemukjizatan al-Quran terdapat pada susunan dan gaya bahasanya yang indah, namun mereka tidak mampu menjelaskan maksud teori susunan (*Nazariyyat al-Nazm*) secara ilmiah, hingga muncul seorang

tokoh ilmu Nahu dan Balaghah pada kurun ke 5 Hijriah. Beliau ialah ^cAbd al-Qa:hir al-Jurja:ni:. Beliaulah yang menjelaskan maksud teori tersebut secara sempurna. Teori ini menjadi asas bagi kajian nahu, balaghah, kesusasteraan, kritikan sastera dan kemukjizatan al-Quran. Kemudian teori ini diterima dan diiktiraf oleh para ulama. Pada pertengahan kurun ke 14 Hijriah (kurun ke 20 Masihi) muncul seorang cendikiawan dari Mesir, Sayyid Qutb. Beliaulah antara tokoh yang menumpukan kajiannya kepada bidang estetika al-Quran dan berpendapat bahawa rahsia kemukjizatan al-Quran terdapat pada gambaran keindahan al-Quran. Kemudian beliau mengasaskan kajiannya ini kepada teori keindahan yang dikenali sebagai *Nazariyyat al-Taswi:r al-Fanniyy Fi: al-Qur'a:n* (teori gambaran keindahan dalam al-Quran). Menurut beliau teori ini merupakan dapatan yang belum ditemui sebelumnya. Berasaskan kepada kenyataan di atas maka penulis kajian ini telah membincangkan permasalahan tersebut secara terperinci dalam kajian ini dan menganalisis kedua-dua teori tersebut secara mendalam dengan menggunakan metodologi deskriptif, analitikal, dan bandingan.

15. Penggunaan *al-Mathal al-Sari:h* dalam *al-Qur'a:n al-Kari:m* Dan *Sunan al-Tirmidhi* Mengenai Manusia. Kajian ini merupakan tesis di peringkat Sarjana Fakulti Pengajian Islam UKM tahun 2001, ditulis oleh Mohd Sukki bin Othman.

Kajian ini membincangkan tentang gaya bahasa *al-Mathal al-Sari:h* yang terdapat dalam al-Quran dan *Sunan al-Tirmidhi*:. Secara khusus, kajian ini menekankan perbahasan mengenai manusia melalui *al-Mathal al-Sari:h* yang terdapat dalam kedua-dua sumber tersebut. Di samping itu, kajian ini juga menekankan peranan dan keistimewaan *al-Mathal al-Sari:h* tersebut. Kajian ini secara amnya merujuk kepada penyelidikan perpustakaan. Objektif kajian ini antara lain adalah untuk memperkenalkan salah satu disiplin ilmu Balaghah yang menggambarkan keistimewaan

gaya bahasa al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w. Di samping itu, kajian ini bertujuan untuk mengemukakan serta mendedahkan ketinggian dan keunikan gaya bahasa *al-Mathal al-Sari:h*. Gaya bahasa *al-Mathal al-Sari:h* dikaji melalui al-Quran dan *Sunan al-Tirmidhi*: untuk membuktikan bahawa kedua-dua sumber tersebut adalah model bahasa Arab yang terbaik. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa gaya bahasa *al-Mathal al-Sari:h* yang terdapat di dalam al-Quran dan *Sunan al-Tirmidhi*: mempunyai nilai retorika dan estetika yang tinggi. Penggunaan gaya bahasa ini telah membuka ruang kepada ilmuwan Islam untuk membincangkan persoalan manusia dengan cara yang terbaik serta meninggalkan kesan yang mendalam dan berpanjangan terhadap mereka. Di samping itu, gaya bahasa ini juga berjaya menggerakkan daya kreativiti pemikiran manusia ke arah yang lebih cemerlang.

16. Gaya Bahasa *al-'Iltifa:t* Dalam al-Quran: Satu Kajian Dari Sudut *al-Bala:ghat*.

Kajian ini merupakan tesis di peringkat Sarjana Fakulti Pengajian Islam UKM tahun 2002, ditulis oleh ^cAbdul Na:sir bin ^cAbdul Lati:f.

Kajian ini membincangkan gaya bahasa *al-'Iltifa:t* sebagai satu bentuk disiplin ilmu yang hanya didapati dalam bahasa Arab. Selain itu, ia juga mendedahkan kedudukan gaya bahasa *al-'Iltifa:t* dalam struktur pengajian ilmu Balaghah yang menimbulkan perselisihan di kalangan ulama. Secara khusus kajian ini mendedahkan pengenalan *al-'Iltifa:t*, sejarah perkembangannya, pandangan ulama dahulu dan kini, kedudukan gaya bahasa *al-'Iltifa:t* dalam ilmu Balaghah, gaya bahasa *al-'Iltifa:t* dalam al-Quran dan sumbangan ilmu *al-Qira:'a:t* terhadap perkembangannya. Selain dari itu kajian ini juga menyentuh tentang *bala:ghat* *al-'Iltifa:t* dalam al-Quran yang merangkumi definisi *bala:ghat* dan unsur-unsurnya dalam *al-'Iltifa:t*. Menerusi perbincangan tersebut kajian ini cuba mengenangkan peranan perkataan dan gaya bahasa al-Quran yang

menggambarkan kesyumulan makna dalam perintah dan peringatan yang bersifat menyeluruh dari Allah SWT kepada hambaNya. Selain dari itu, ia juga memperlihatkan unsur-unsur *al-'Iltifa:t* pada perbezaan bacaan ulama *Qira:'a:t* yang bersandarkan riwayat yang sahih.

17. *Al-Taqdi:m Wa al-Ta'khi:r Fi: Su:rat al-Tauba:t : Dira:sat Nahwiyyat Bala:ghiyyat*. Kajian ini merupakan tesis di peringkat Sarjana *al-'Ulu:m al-'Insa:niyyat* *Fi: al-Lughat al-'Arabiyyat* *Wa 'A:da:biha:*, Jabatan Pengajian Bahasa, Fakulti *Ma'a:rif al-Wahy* *Wa al-'Ulu:m Al-'Insa:niyyat* UIAM tahun 2003, ditulis oleh Abdulloh bin Arbubaka.

Kajian ini bertujuan mendedahkan sejauh mana kepentingan *al-Taqdi:m Wa al-Ta'khi:r* dan peranannya dalam struktur bahasa Arab. Penulis kajian ini cuba mengenangkan permasalahan ini secara ilmiah dengan memilih Surah *al-Tauba:t* sebagai teks kajian. Hasil kajian menunjukkan para ulama mempunyai dua pandangan dalam masalah ini. Pandangan pertama menyatakan bahawa permasalahan ini merupakan permasalahan nahu di mana sebahagian daripada struktur ayat boleh didahulukan atau dikemudiankan dengan sebab keperluan-keperluan ayat tersebut. Pandangan kedua berpendapat bahawa unsur-unsur *al-Taqdi:m* dan *al-Ta'khi:r* mempunyai maksud tertentu, iaitu setiap maksud ayat bukanlah kumpulan makna *mufrada:t* bahkan ia merupakan hasilan struktur *mufrada:t*. Selain dari itu penulis kajian ini merumuskan dua perkara berkaitan permasalahan tersebut, pertama merupakan masalah nahu di mana *al-Taqdi:m* dan *al-Ta'khi:r* merupakan masalah bahasa yang mempunyai kaedah tersendiri. Perkara yang kedua merupakan permasalahan balaghah di mana *al-Taqdi:m* dan *al-Ta'khi:r* memberi makna dari segi balaghah. Dari segi analisis pula, kajian ini menunjukkan bahawa unsur-unsur *al-Taqdi:m* dan *al-Ta'khi:r* memainkan peranan penting dalam

menjelaskan perbezaan makna. Dapatkan kajian juga menunjukkan sebahagian daripada unsur-unsur *al-Taqdi:m* dan *al-Ta'khi:r* tidak mempunyai kaitan dengan kaedah nahu dan balaghah. Secara detil, kajian ini membincangkan tentang *al-Taqdi:m* dan *al-Ta'khi:r* mengikut perspektif nahu dan balaghah, hubungan *al-Taqdim* dan *al-Ta'khir* dengan gaya bahasa ('asa:li:b), tujuan *al-Taqdi:m* dan *al-Ta'khi:r* dari segi balaghah. Selain itu, analisis juga dilakukan ke atas surah *al-Tauba:t* bagi mendapat gambaran yang jelas tentang perkara tersebut.

18. *Dila:lat al-'Istifha:m al-'Inka:ri: Fi: Surat al-Baqarat : Dira:sat Bala:ghiyyat Nahwiyyat*. Kajian ini merupakan tesis di peringkat Sarjana *al-Lughat al-'Arabiyyat* Jabatan Pengajian Bahasa, Fakulti *Ma'a:rif al-Wahy Wa al-'Ulu:m al-'Insa:niyyat* UIAM tahun 2000, ditulis oleh Amal bin Abd El Khabeer Mahmud 'Ata.

Kajian ini membincangkan '*Uslub al-'Istifha:m al-'Inka:ri:* dalam al-Quran al-Karim. Kepentingan kajian ini berasaskan kepada percubaan berintraksi dengan '*Uslub al-'Istifha:m al-'Inka:ri:*' melalui ayat-ayat yang terkandung dalam Surah *al-Baqarat*. Ayat-ayat berkenaan dalam surah tersebut dibincangkan berdasarkan kitab-kitab tafsir, khususnya yang berkaitan dengan *dila:lat* dan *al-tafsi:r al-siya:qi:*. Dapatkan kajian ini menunjukkan terdapat banyak '*uslu:b al-'Istifha:m al-'Inka:ri*' dalam Surah *al-Baqarat*. Ini kerana surah tersebut banyak menyentuh tentang Bani Israel yang ingkar terhadap perintah Allah SWT. Objektif disebalik kisah-kisah ini adalah supaya umat Islam menghindari daripada perbuatan tersebut dan sentiasa berhati-hati terhadap musuh-musuh mereka, khususnya orang-orang Yahudi. Secara detil kajian ini menyentuh tentang pengenalan *al-'Istifha:m*, *al-'Istifha:m* antara *al-haqi:qat* dan *al-maja:z*, *al-*

'Istifha:m al-'Inka:ri: dan contoh-contohnya dalam bahasa Arab dan al-Quran al-Karim dan *al-'Istifha:m* dalam Surah *al-Baqarat*.

19. *'Asa:li:b al-'Amr Wa al-'Istifha:m Wa al-Nida:' Fi: Su:rat al-Baqarat: Dira:sat Nahwiyyat Bala:ghiyyat*. Kajian ini merupakan tesis di peringkat Sarjana *al-Lughat al-'Arabiyyat* Jabatan Pengajian Bahasa, Fakulti *Ma'a:rif al-Wahy Wa al-'Ulu:m Al-'Insa:niyyat* UIAM tahun 2003, ditulis oleh Abd Rizak Husein Qalib.

Objektif kajian ini adalah untuk membincangkan gaya bahasa *al-'Amr*, *al-'Istifha:m* dan *al-Nida'* dalam Surah *al-Baqarat* di samping mengetahui penggunaannya dari sudut nahu dan balaghah. Antara hasil kajian ini ialah banyak gaya bahasa *al-'Amr*, *al-'Istifha:m* dan *al-Nida:'* dalam surah tersebut memberi makna tersirat yang memerlukan pemerhatian dan penelitian kepada *qari:nat* dan *maqa:m*. Ini menunjukkan keindahan bahasa al-Quran dan *'Ija:znya*. Secara umum kajian ini menyentuh tentang pengenalan *al-'uslu:b*, gaya bahasa *al-'Amr*, *al-'Istifha:m* dan *al-Nida:'* serta tujuannya dari sudut balaghah. Ia merangkumi perbincangan mengenai perbezaan di antara gaya bahasa '*insha:*' dan gaya bahasa *khabar*, keadaan-keadaan *bina:*' dan hukumnya dari sudut '*i:ra:b*', tujuan penggunaan *si:ghat al-'amr* dari sudut balaghah, pengenalan *al-'Istifha:m*, gaya bahasanya dan tujuan penggunaannya dari sudut balaghah. Ia juga menyentuh tentang gaya bahasa *al-Nida:'*, huruf-huruf dan hukumnya dari segi '*i:ra:b*' serta *al-Nida:'* yang terkeluar daripada maknanya yang asal. Selain itu, analisis juga dijalankan ke atas unsur-unsur *al-'Amr*, *al-'Istifha:m* dan *al-Nida'* yang terdapat dalam Surah *al-Baqarat*.

Selain dari kitab dan disertasi yang telah dibincangkan di atas, penulis juga dapat beberapa artikel dari jurnal dan majalah berkaitan dengan *bala:ghat al-hadi:th*. Antara artikel tersebut ialah:

1. *Bala:ghat al-Hadi:th*. Artikel ini ditulis oleh Dr. Idris bin Abdullah. Ia merupakan artikel Jurnal Islamiyyat bilangan 12 tahun 1991.
2. *Al-'Amtha:l Fi: Al-Hadi:th Al-Nabawiyy*. Artikel ini ditulis oleh Dr. Kamaluddin 'Abd al-Ghani: al-Mursi. Ia merupakan artikel daripada buku *Buhu:th Fi: al-Dira:sat al-'Isla:miyyat*, cetakan pertama tahun 2005.
3. *Lughat al-Rasu:l*. Artikel ini ditulis oleh Dr. 'Ali Shalaq. Ia merupakan artikel daripada Majalah *al-Fikr al-'Isla:miyy*, bilangan 4 tahun 1975.
4. *Ma'a al-Nabiyy Fi: Manhaj Qaulih*. Artikel ini ditulis oleh Syeikh Muhammad Fahim 'Abu: 'Ubayh. Ia merupakan artikel daripada Majalah *al-Fikr al-'Isla:miyy*, bilangan 4 tahun 1973.

Berdasarkan semakan dan penelitian penulis, dapat disimpulkan bahawa penulisan berkaitan dengan *bala:ghat al-hadi:th* kurang mendapat sambutan dari kalangan ilmuwan Islam berbanding dengan *bala:ghat al-Qur'an*.

Dari sudut yang lain berkaitan dengan kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* dan pengarangnya, Imam al-Nawawi: terdapat beberapa buah kitab yang mensyarahkan kitab tersebut dalam bentuk suntingan ringkas ataupun syarahan terperinci dan tidak kurang juga yang meringkaskannya sebagai *mukhtasar*. Selain dari itu, terdapat juga kitab-kitab yang mentahkukkan kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*. Demikian juga terdapat kitab-kitab yang membincangkan tentang kitab tersebut atau pengarangnya, Imam al-Nawawi: secara ilmiah dan terperinci. Berikut adalah senarai kitab-kitab tersebut:

- (1) Kitab-kitab yang mensyarahkan kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* :

1. *Dali:l al-Fa:lihi:n Li Turuq Riya:d al-Sa:lihi:n* karangan *al-'Alla:mat* Sheikh Muhammad 'Ibn ^cAlla:n al-Siddi:qiyy.
2. *Sharh Riya:d al-Sa:lihi:n Li: al-Nawawi:* karangan Dr. al-Husayni: ^cAbd al-Maji:d Ha:shim.
3. *Bahjat al-Na:ziri:n Fi: Sharh Riya:d al-Sa:lihi:n* karangan 'Abu: 'Usa:mat Sa:lim bin ^cI:d al-Hila:li:.
4. *Nuzhat al-Muttaqi:n Sharh Riya:d al-Sa:lihi:n* karangan kumpulan ulama yang terdiri daripada Dr. Mustafa: Sa^ci:d al-Khin, Dr. Mustafa: al-Bugha, Ustaz Muhyi al-Din Mistu:, Ustaz ^cAli al-Sharbijiyy dan Ustaz Muhammad 'Ami:n Lutfi:.
5. *Minhal al-Wa:ridi:n Sharh Riya:d al-Sa:lihi:n* karangan Subhi: al-Sa:lih.
6. *Sharh Riya:d al-Sa:lihi:n Li al-Nawawi:* karangan Muhammad bin Sa:lih al-^cUthaymin.

(2) Kitab-kitab yang meringkaskan kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* :

1. *Mukhtasar Riya:d al-Sa:lihi:n* karangan Sheikh Yusuf al-Nabha:ni:.
2. *'Itha:f al-Muslimi:n Fi: Tashi:l 'Ikhtis:ar Riya:d al-Sa:lihi:n* karangan Ustaz ^cAbd Hami:d Mirda:d.

(3) Kitab-kitab yang mentahkik kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* :

1. *Riya:d al-Sa:lihi:n Min Kala:m Sayyid al-Mursali:n Li: al-'Ima:m al-Nawawi:* (*Taqri:z Wa Taqdi:m* - Dr. Wahbat al-Zuhaili;, *Tahqi:q, Takhri:j Wa Ta^cli:q 'Aha:di:thuhu:* - Dr. ^cAli ^cAbd al-Hami:d 'Abu: al-Khayr)
2. *Riya:d al-Sa:lihi:n Min Kala:m Sayyid al-Mursali:n Li: al-'Ima:m al-Nawawi:* tahkik Sheikh Muhamad Na:siruddi:n al-'Alba:ni:.
3. *Riya:d al-Sa:lihi:n Min Kala:m Sayyid al-Mursali:n Li al-'Ima:m al-Nawawi:* tahkik Sheikh Shu^cayb al-'Arna'u:t.

4. *Riya:d al-Sa:lihi:n Min Kala:m Sayyid al-Mursali:n Li al-'Ima:m al-Nawawi:* tahkik Sheikh Muhyi: al-Din al-Jarra:h.

(4) Antara kitab yang membincangkan tentang kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* secara ilmiah dan terperinci ialah :

1. *Qutu:f Min Riya:d al-Sunnat* karangan Dr. Salih 'Ahmad Rida:. Kitab ini mendedahkan teks hadis, pengenalan perawinya dari kalangan sahabat, penjelasan *mufrada:t* hadis yang merangkumi aspek *'Ira:b* dan balaghah dan penjelasan hadis secara terperinci. Selain itu, ia juga mengeluarkan hadis-hadis berkenaan dan menjelaskan sumber-sumbernya.⁵

(5) Kitab-kitab yang membincangkan tentang Imam al-Nawawi: secara khusus:

1. *Al-'Ima:m al-Nawawi: Wa 'A:tha:ruh Fi: al-Hadi:th Wa 'Ulu:mih* karangan 'Ahmad ^cAbd al- ^cAzi:z Qa:sim al-Hadda:d.
2. *Al-'Ima:m al-Nawawi:* karangan ^cAbd al-Ghani: al-Daqr.
3. *Al-'Ima:m al-Nawawi:* Bintang Terakhir Dalam Mazhab Syafii karangan Mahmood Zuhdi Abdul Majid.
4. *Tarjamat Shaykh al-'Isla:m al-'Ima:m al-Nawawi:* karangan Muhammad 'Ibn ^cAbd al-Rahman al-Sakha:wi:.
5. *Al-'Ima:m al-Nawawi:* karangan ^cAli: al-Tanta:wi:.

Selain dari itu, penulis dapati beberapa kajian di peringkat Sarjana di Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia berkaitan kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* dan pengarangnya, Imam al-Nawawi:. Antara kajian tersebut ialah :

1. Metodologi Penyusunan Hadis Dalam Kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* oleh Imam al-Nawawi:. Kajian ini merupakan tesis di peringkat Sarjana Fakulti Pengajian Islam UKM tahun 2004, ditulis oleh Fahmi bin Al-Kautsar.

⁵ 'Ahmad ^cAbd al- ^cAzi:z Qa:sim al-Hadda:d.(1992), *Al-'Ima:m al-Nawawi Wa 'A:tha:ruh Fi: al-Hadi:th*, Beirut Lubnan : Da:r al-Basha:'ir al-'Isla:miyyat, h. 296.

Tujuan disertasi ini adalah untuk menunjukkan jenis-jenis hadis yang terkandung dalam kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*, ciri-ciri menjadikannya istimewa, kategori hadis yang diterima oleh pengarang dan pandangannya tentang penerimaan hadis daif. Perbincangan kajian ini meliputi latar belakang penulis, aspek luaran kitab, sejarah dan latar belakang penulisan, kitab-kitab rujukan yang digunakan oleh Imam al-Nawawi:, metod yang digunakan dalam penyusunan kitab dan bab, pemilihan utama *Hadi:th Muttafaq ^cAlayh* berbanding yang lain dan pengukuhan pandangan ulama bersama dengan pandangan penulis sendiri. Kajian ini menunjukkan kitab ini sistematis, huraiannya jelas, susunannya rapi dan liputannya luas merangkumi ilmu-ilmu Islam serta menepati kumpulan sasaran. Kepentingan kajian ini memenuhi keperluan untuk memahami kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* dengan baik.

2. Al-Imam al-Nawawi dan Sumbangannya kepada Hadis : Satu Kajian Mengenai *Ba:b al-Tib Wa al-Marad Wa al-Ruqa:* Menerusi Kitabnya *Shark Sahi:h Muslim*. Kajian ini merupakan tesis di peringkat Sarjana Jabatan Pengajian Islam UM tahun 1993, ditulis oleh Mohd.Muhiden Abdul Rahman.

Kajian ini cuba menonjolkan ketokohan salah seorang ulama Islam abad ke tujuh hijrah, iaitu Imam al-Nawawi:. Ia juga merupakan usaha mencungkil karya-karya beliau yang bernilai terutamanya dalam bidang hadis. Selain itu perbincangan khusus ditumpukan kepada *Ba:b al-Tib Wa al-Marad Wa al-Ruqa:* menerusi salah satu daripada karya beliau yang terkenal dalam bidang Hadis, iaitu kitab *Shark Sahi:h Muslim*. Sementara pemilihan *Ba:b al-Tib Wa al-Marad Wa al-Ruqa:* sebagai topik perbincangan adalah kerana kepentingannya dalam menjelaskan konsep jampi (*al-Ruqa:*) dalam Islam dan penyakit terkena pandangan orang yang hasad (*al-^cAyn*) serta pandangan Islam terhadapnya.

Secara terperinci kajian ini membahaskan tentang sejarah hidup Imam al-Nawawi:, pandangan dan pemikiran beliau serta sumbangan beliau dalam bidang hadis. Tumpuan khusus diberikan kepada empat buah karya beliau yang terkenal dalam bidang hadis, iaitu kitab *Sharh Sahih Muslim*, kitab *Riyad al-Sa'lihi:n*, kitab *al-'Adhkar* dan kitab *Matan al-'Arba'i:n*. Selain dari itu, kajian ini juga menyentuh tentang konsep perubatan dalam Islam secara umum yang berdasarkan kepada dua dasar utama, iaitu mencegah dan merawat. Di samping itu ia juga menjelaskan pandangan Islam tentang penyakit, konsep jampi dalam Islam dan penyakit *al-'Ayn* dan pendekatan Islam terhadapnya. Kajian ini merupakan intipati kepada hadis-hadis yang terkandung dalam *Bab al-Tib Wa al-Marad Wa al-Ruqa:d* dalam kitab *Sharh Sahih Muslim*. Tumpuan utama diberikan kepada konsep jampi menurut pandangan Islam yang mencakupi hukum menjampi, lafaz-lafaz, ciri-ciri, kategori-kategori jampi, hukum mengambil upah dari jampi, *al-nushrat* (jampi bertulis), tangkal dan azimat.

3. Paradigma Imam al-Nawawi: Dalam Pembangunan Insan : Satu Kajian Teks Terhadap kitab *Riyad al-Sa'lihi:n*. Kajian ini merupakan tesis di peringkat Sarjana Akademi Pengajian Islam UM tahun 2002, ditulis oleh Kamarul Azmi bin Jasmi.

Kajian ini cuba menyingkap satu proses pembangunan insan menurut paradigma Imam al-Nawawi: melalui kajian teks kitab *Riyad al-Sa'lihi:n*. Objektif utama kajian ini adalah untuk melihat dan mencari perbezaan definisi pembangunan insan menurut pandangan Barat dan Islam bagi membandingkan definisi tersebut dengan definisi pembangunan insan dan metodologinya mengikut paradigma al-Nawawi:. Kajian ini juga menyingkap riwayat hidup Imam al-Nawawi: yang menyusun kitab *Riyad al-Sa'lihi:n* untuk melihat ketokohnya dan kedudukannya di kalangan sarjana Islam.

Kajian teks ini menggunakan kaedah kajian perpustakaan yang menumpukan kepada teks kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* di samping merujuk kepada teks-teks lain yang menghurai dan mensyarahkan kitab tersebut. Data dianalisis secara kualitatif dan kuantitatif serta penggunaan kaedah induktif, deduktif dan komparatif dalam memahami pembangunan insan menurut paradigma Imam al-Nawawi:.

Kajian ini mendapati bahawa Imam al-Nawawi: telah menumpukan aspek kerohanian dalam pembangunan diri insan yang berkaitan dengan hubungan dengan Allah s.w.t sebagai panduan kepada pembangunan-pembangunan yang lain. Pembangunan Insan menurut paradigma Imam al-Nawawi: mestilah merujuk kepada dua perkara, iaitu metodologi yang betul dalam membangunkan insan serta isi kandungan pembangunan yang lengkap dan sempurna bersumberkan al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w.

Dapatan kajian menunjukkan Imam al-Nawawi: mengemukakan sebanyak 204 perkara asas pembangunan insan yang terkandung dalam lapan aspek pembangunan, iaitu pembangunan akhlak insan kepada Allah SWT, pembangunan akhlak sesama insan, pembangunan sosial, pembangunan adab kehidupan, pembangunan ibadat, pembangunan jihad, pembangunan ilmu dan pembangunan batasan-batasan beragama. Melalui kesempurnaan semua perkara ini, manusia akan mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Selain dari kitab dan disertasi yang telah dibincangkan di atas, penulis juga dapat beberapa artikel berkaitan dengan kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* atau Imam al-Nawawi: Antara artikel- artikel tersebut ialah:

1. Pengaruh *Matan al-'Arba'i:n* dan kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* dalam masyarakat Malaysia. Artikel ini ditulis oleh Pauzi bin Haji Awang (1990). Ia merupakan

- artikel Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan Ke Tiga, anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, bertempat di Dewan Muktamar Pusat Islam Malaysia.
2. Pengaruh Pemikiran al-Nawawi: Di Kalangan Guru Takmir Di Negeri Johor. Artikel ini ditulis oleh Kamarul Azmi bin Jasmi, Azmi Shah Suratman, Aminuddin Ruskam, Ahmad Kilani bin Muhamad, Zulkefli bin Harun(2003). Vote Penyelidikan 71873. Johor Bahru : Universiti Teknologi Malaysia.
 3. Sumbangan Imam al-Nawawi: kepada *al-Hadi:th*. Artikel ini ditulis oleh Dr. Udah Mohsin(1990). Ia merupakan artikel Seminar Imam al-Nawawi:, anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri Kuala Lumpur.
 4. Metodologi Imam al-Nawawi: Dalam Kitabnya *Shark Sahih Muslim*. Artikel ini ditulis oleh Dr. Abdul Hei bin Abdul Sukor(1990). Ia merupakan artikel Seminar Imam al-Nawawi:, anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri Kuala Lumpur.
 5. Hasil Karya Imam al-Nawawi:. Artikel ini ditulis oleh Mohd Salleh bin Haji Ahmad(1990). Ia merupakan artikel Seminar Imam al-Nawawi:, anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri Kuala Lumpur.

Berdasarkan kajian penulis terhadap tulisan-tulisan sebelum ini sama ada dalam bentuk buku atau tesis atau pun artikel ilmiah, dapat disimpulkan bahawa belum terdapat kajian secara khusus berkaitan balaghah *al-'Isti'a:rat* dalam hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*.

1.8 RANGKA KAJIAN

Kajian ini akan menumpukan kepada *al-'Isti'a:rat* dalam kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*. Ia merupakan kajian *bala:ghat al-hadi:th*. Selain dari itu, kajian ini juga akan menekankan

tentang keberkesanan teori *al-'Isti'a:rat* dalam penghayatan makna hadis di dalam kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* di kalangan ilmuwan Islam di Semenanjung Malaysia.

Secara umum, kajian ini merangkumi bab-bab berikut :

Bab satu merupakan pendahuluan kepada kajian ini. Ia merangkumi pendahuluan, kepentingan kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, skop dan batasan kajian, metodologi kajian, objektif kajian, kajian terdahulu dan rangka kajian.

Bab dua mempunyai tiga bahagian utama, iaitu pendahuluan, biografi Imam al-Nawawi: dan pengenalan kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*. Pendahuluan bab ini menyentuh tentang pengenalan ringkas Imam al-Nawawi:, perkembangan politik dan ilmu pada zaman beliau. Manakala bahagian biografi Imam al-Nawawi: pula membincangkan tentang nama dan salasilah keturunan Imam al-Nawawi:, kelahiran, riwayat hidup dan kewafatan, mazhab Imam al-Nawawi:, guru-guru beliau dalam bidang Ilmu Fiqah, Usul al-Fiqh, Hadis, Bahasa Arab, Nahu dan al-Tasri:f. Selain itu, bahagian ini juga membincangkan tentang murid-murid Imam al-Nawawi:, hasil karya penulisan beliau, kepakaran dan sumbangan beliau dalam bidang keilmuan khususnya bidang Hadis, Fiqah dan Bahasa Arab. Seterusnya, bahagian ini menyentuh tentang percubaan Imam al-Nawawi: dalam mempelajari perubatan, perwatakan dan sikap beliau, kekeramatan, peranan beliau dalam masyarakat setempat dan pengaruh beliau terhadap masyarakat Malaysia. Berikutnya bahagian pengenalan kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* membincangkan tentang maksud *Riya:d al-Sa:lihi:n* dan kandungannya, masa dan tempat penulisan, sebab dan tujuan penulisan, ciri-ciri kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*, metodologi Imam al-Nawawi: dalam penulisan kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* dan pengambilan hadis, sambutan ulama terhadap kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*.

Bab tiga mempunyai dua bahagian, iaitu bahagian *Bala:ghat al-Hadi:th* dan bahagian *al-'Isti'a:rat*. Bahagian I membincangkan tentang pengenalan *al-Bala:ghat* merangkumi definisi *al-Fasa:hat* dan *al-Bala:ghat*, unsur-unsur *al-Bala:ghat* dari segi istilah, *al-Bala:ghat* di sisi ulama bahasa, alat kepada *al-Bala:ghat*, sejarah perkembangan ilmu Balaghah. Ia juga menyentuh tentang pengenalan hadis, perkara-perkara yang berkaitan dengannya, peranan hadis dalam kajian Bahasa Arab dan *Bala:ghat al-Hadi:th* dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Manakala bahagian dua bab ini, membincangkan tentang *al-'Isti'a:rat* merangkumi definisi *al-'Isti'a:rat*, *al-'Isti'a:rat* dan aspek-aspek penting berkaitan dengannya dan bahagian-bahagian *al-'Isti'a:rat*.

Bab empat kajian ini memaparkan *al-'Isti'a:rat* di dalam hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* bersumberkan kitab-kitab syarah hadis dan balaghah. Antara perkara-perkara yang dipaparkan ialah rukun-rukun *al-'Isti'a:rat*, *mula:im al-tarafayn* dan pembahagian *al-'Isti'a:rat*. Perkara-perkara tersebut dipaparkan secara terperinci dengan menggunakan ringkasan kata dan jadual serta huraian terperinci dalam bahagian berasingan. Disamping itu setiap *al-'Isti'a:rat* yang dianalisis akan dirujuk kepada hadis yang dilampirkan, manakala peratusan jenis-jenis *al-'Isti'a:rat* tersebut akan dipaparkan di dalam jadual.

Bab lima mendedahkan keberkesanan teori *al-'Isti'a:rat* dalam penghayatan makna hadis di dalam kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* di kalangan ilmuwan Islam di Semenanjung Malaysia berpandukan borang soal selidik yang diedarkan kepada guru-guru dan para pelajar kitab tersebut yang dipilih sebagai responden.

Bab enam merupakan penutup, ia membincangkan hasil kajian dan cadangan.

1.9 Penutup

Secara keseluruhan, kajian ini memfokuskan kepada kajian *al-'Isti'a:rat* dalam kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*. Di samping itu, ia juga cuba menyingkap rahsia keberkesanan teori *al-'Isti'a:rat* dalam penghayatan makna hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* di kalangan guru-guru kitab tersebut di Semenanjung Malaysia. Ia merangkumi aspek teori, analisis teks dan kajian lapangan. Bab ini merupakan pendahuluan kepada kajian ini. Ia membincangkan konsep umum berkaitan kajian. Bab berikutnya (bab dua) akan membincangkan tentang pengenalan Imam al-Nawawi: dan kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*. Perbincangan bab ini akan memberi jawapan tentang latar belakang dan ketokohan Imam al-Nawawi (penulis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*) dalam bidang keilmuan. Selain itu, bab ini juga akan mendedahkan kewibawaan kitab tersebut sebagai kitab hadis dan tasawuf. Walaupun perbincangan dalam bab ini tidak banyak menyentuh tentang peranan Imam al-Nawawi dalam bidang bahasa Arab, namun ketokohan dan kewibawaan beliau dalam bidang fiqah dan hadis cukup membuktikan penguasaan beliau dalam bidang tersebut. Hal ini dapat dilihat pada karya-karya tulisan beliau yang membuktikan penguasaan beliau dalam penulisan Arab. Bab dua diharap akan menjadi landasan yang kuat kepada kajian tesis ini secara keseluruhan.